



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

POLA PSIKOLOGI MANGSA ROGOL MENURUT PERSPEKTIF *CHOICE THEORY REALITY THERAPY* (CTRT) DI SEBUAH PUSAT PERLINDUNGAN REMAJA

MOHD AL FAANI BIN MOKHTAR RUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**POLA PSIKOLOGI MANGSA ROGOL MENURUT PERSPEKTIF
CHOICE THEORY REALITY THERAPY (CTR)
DI SEBUAH PUSAT PERLINDUNGAN
REMAJA**

MOHD AL FAANI BIN MOKHTAR RUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUSELING)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

| |
|---|
| |
| / |
| |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20.....(hari bulan).....09..... (bulan) 20.....19

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD AL-FAANI BIN MOKHTAR RUDIN, M20171000800, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk POLA PSIKOLOGI MANGSA ROGOL MENURUT PERSPEKTIF CHOICE THEORY REALITY THERAPY (CTRT) DI SEBUAH PUSAT PERLINDUNGAN REMAJA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. AHMAD JAZIMIN JUSOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk POLA PSIKOLOGI MANGSA ROGOL MENURUT PERSPEKTIF CHOICE THEORY REALITY THERAPY (CTRT) DI SEBUAH PUSAT PERLINDUNGAN REMAJA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: POLA PSIKOLOGI MANGSA ROGOL MENURUT PERSPEKTIF CHOICE THEORY REALITY THERAPY DI SEBUAH PUSAT PERLINDUNGAN REMAJA

No. Matrik / Matric No.: M20171000200

Saya / I : MOHD AL FAANI BIN MOKHTAR RUDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan semesta alam. Beribu selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W, ahli keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda sehingga ke Hari Penentuan. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan rahmat dan izinnya maka disertasi ini dapat disempurnakan bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dalam tempoh yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh yang telah memberikan segala tunjuk ajar, nasihat, teguran dan bimbingan sepanjang saya menyempurnakan penulisan disertasi ini. Penghargaan terima kasih ini juga saya tujuarkan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menaja pengajian saya ini. Seterusnya ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Taman Seri Puteri, Cheras kerana memberi kebenaran dan kerjasama yang baik sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujuarkan khas buat semua pihak terutama Institut Pengajian Siswazah UPSI, Fakulti Pembangunan Manusia, pensyarah-pensyarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Dr. Norisah Suhaili, Puan Nordalina Ismail, Encik Hairulnizzam Muhammad Saet, warga pendidik dan murid-murid SM Sains Kuching Utara (SAKURA) dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang pengajian saya ini.

Khusus buat isteri tercinta Shazarida Mohd Zin dan anak-anak Thariq Al Zaafarani dan Khaliza Az Zahra “terima kasih atas sokongan dan motivasi yang diberikan sepanjang abang/ayah menyempurnakan pengajian ini”. Buat abah dan mak serta seluruh ahli keluarga, sanak saudara terima kasih diucapkan diatas segala doa, bantuan dan sokongan dalam usaha merialisasikan impian ini. Semoga Allah S.W.T sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada kita semua.

Akhir sekali, tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada semua sahabat dan rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu dan mendoakan untuk kejayaan saya. Dengan limpah kurnia dan ‘inayah-Nya dapatlah saya menghadiahkan kajian ini untuk kepentingan semua. Semoga usaha ini diberkati dan Allah S.W.T akan membalas segala jasa baik kepada semua yang terlibat sepanjang perjalanan pengajian saya ini. Aminn. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pola psikologi mangsa rogol menurut perspektif *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) berdasarkan kepada aspek-aspek psikologi kawalan luaran, psikologi kawalan dalaman, tingkah laku keseluruhan dan mengetahui perancangan masa depan remaja mangsa rogol di sebuah pusat perlindungan remaja. Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan sembilan orang peserta kajian dan lima orang informan tambahan. Data dikumpul menggunakan teknik temu bual semi berstruktur, pemerhatian langsung dan analisis dokumen seperti laporan sesi kaunseling, laporan kesihatan, laporan polis dan rekod pendaftaran peserta serta di analisis menggunakan NVivo 12. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat enam faktor psikologi kawalan luaran yang mempengaruhi remaja mangsa rogol iaitu ibu bapa, internet dan teknologi, latar belakang keluarga, pendidikan, pengaruh rakan dan masyarakat serta kerajaan. Manakala psikologi kawalan dalaman remaja mangsa rogol pula adalah di sebabkan oleh keperluan atas individu yang tidak di penuhi seperti kasih sayang, kebebasan, keseronokan, kuasa dan kelangsungan hidup. Dari aspek tingkah laku keseluruhan, dapatkan kajian menunjukkan tindakan utama yang diambil oleh remaja mangsa rogol adalah memberitahu ibu bapa, melaporkan kepada polis dan mendiamkan diri selepas kejadian. Dari sudut pemikiran, kebanyakannya peserta terfikir untuk mencederakan diri dan berfikir bahawa diri mereka tidak lagi berguna. Selain itu, peserta kajian juga mengalami pelbagai perasaan seperti kecewa, sedih, trauma, stress, marah, benci, malu, takut dan menyesal. Akhir sekali dari sudut fisiologi berlakunya beberapa perubahan fizikal dan peserta kajian di dapati mengandung. Seterusnya, dapatkan kajian menunjukkan semua peserta berkongsi perancangan masa depan mereka iaitu keinginan untuk berkahwin, bekerja, menyambung pengajian dan menjaga anak sendiri. Kesimpulannya, kajian ini secara tidak langsung membantu kaunselor untuk memahami pola psikologi mangsa rogol berdasarkan aspek CTRT. Implikasinya, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam merangka strategi pendidikan, pencegahan dan pemulihan ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara yang lebih baik.





THE PSYCHOLOGICAL PATTERN OF RAPE VICTIMS ACCORDING TO THE CHOICE THEORY REALITY THERAPY (CTRT) PERSPECTIVE IN AN ADOLESCENT REHABILITATION CENTRE

ABSTRACT

This study intended to explore the psychological pattern of rape victims according to the Choice Theory Reality Therapy (CTRT) perspective based on the aspects external psychological control, internal psychological control, total behaviour and the future plans of adolescent rape victims in an adolescent rehabilitation centre. This study applied the case study method involving nine participants and five informants. Data were collected using the semi structured interview technique, keen observation and the document analysis such as counseling session reports, health reports, police reports and participants registration records. All of these datas were than analysed using the NVivo 12 software. Findings show that there are six external psychological control factors that influence an adolescent rape victim, namely parents, internet and technology, family background, education, societal and peer influence as well as the government. Whereas the adolescent rape victim's internal psychological control was influenced by the individual's unfulfilled basic needs, such as love, freedom, fun, power and survival. In regard to the total behavioural aspect, findings show that the main action taken by the adolescent rape victim was to inform the parents, report to the police or remain silent after the incident. From the cognitive aspect, most participants thought of hurting themselves and felt that they were of no use anymore. Besides that, they also experienced various emotions such as disappointment, sadness, trauma, stress, anger, hate, shame, fear and regret. Lastly, from the physiological aspect, several physical changes occurred, and the participants were found to be pregnant. Findings also show that all the participants shared similar future plans such as wishing to get married, work, continue their studies and care for their own children. It can be concluded that this study indirectly helps counsellors to understand the psychological pattern of rape victims according to the CTRT perspective. The implication of this study is that hopefully it would benefit all parties involved in designing education, prevention and rehabilitation strategies for a better family, societal and national development.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--|-------|
| PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xvi |
| SENARAI RAJAH | xviii |
| SENARAI SINGKATAN | xix |



BAB 1 PENGENALAN

| | |
|---|----|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 6 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 12 |
| 1.5 Objektif Kajian | 13 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 13 |
| 1.7 Kerangka Teoretikal | 15 |
| 1.8 Kerangka Konseptual Kajian | 17 |
| 1.9 Kepentingan Kajian | 20 |
| 1.9.1 Pengamal Kaunseling (Guru, Kaunselor, Pensyarah Kaunseling & Psikologi) | 20 |





| | |
|---|----|
| 1.9.2 Ibu Bapa dan Masyarakat | 22 |
| 1.9.3 Pemahaman <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) | 23 |
| 1.9.4 Institusi Kerajaan & NGO | 24 |
| 1.9.5 Metodologi Kajian | 26 |
| 1.9.6 Remaja Mangsa Rogol | 27 |
| 1.10 Definisi Konseptual dan Definisi Operasional | 28 |
| 1.10.1 Psikologi Mangsa Rogol | 28 |
| 1.10.1.1 Psikologi | 28 |
| 1.10.1.2 Istilah Rogol | 29 |
| 1.10.1.3 Mangsa Rogol | 31 |
| 1.10.2 <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) | 34 |
| 1.10.3 Pusat Perlindungan Remaja | 35 |
| 1.11 Batasan Kajian | 36 |
| 1.11.1 Sampel Kajian | 36 |
| 1.11.2 Tempoh Pengumpulan Data | 37 |
| 1.11.3 Teknik Pengumpulan Data | 37 |
| 1.11.4 Prosedur Pengumpulan Data | 37 |
| 1.11.5 Skop Kajian | 38 |
| 1.12 Rumusan | 38 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan | 40 |
| 2.2 <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) | 41 |
| 2.2.1 Sejarah CTRT | 41 |
| 2.2.2 Konsep Asas CTRT | 41 |





| | |
|---|----|
| 2.2.2.1 Psikologi Kawalan Luaran | 47 |
| 2.2.2.2 Psikologi Kawalan Dalaman | 47 |
| 2.2.2.3 Dunia Sebenar | 48 |
| 2.2.2.4 Dunia Pengertian | 49 |
| 2.2.2.5 Keinginan Individu | 49 |
| 2.2.2.6 Keperluan Asas | 50 |
| 2.2.2.7 Skala Pengimbang | 54 |
| 2.2.2.8 Tingkah Laku Keseluruhan | 54 |
| 2.3 Teori-teori Berkaitan Dengan Rogol | 56 |
| 2.3.1 Teori Faktor Tunggal | 57 |
| 2.3.1.1 Teori Psikodinamik | 57 |
| 2.3.1.2 Teori Feminis | 58 |
| 2.3.1.3 Teori Evolusi | 59 |
| 2.3.1.4 Teori Sosial Kognitif Rogol | 60 |
| 2.3.2 Teori Faktor Pelbagai | 60 |
| 2.3.2.1 Teori Bersepadu | 61 |
| 2.3.2.2 Teori Faktor Mikro | 63 |
| 2.3.3.1 Model Kendiri | 63 |
| 2.4 Justifikasi Pemilihan Teori | 63 |
| 2.4.1 <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) | 64 |
| 2.5 Ulasan Kajian Lepas | 69 |
| 2.5.1 Kajian Berkaitan Dengan Psikologi Mangsa Rogol | 69 |
| 2.5.2 Kajian Berkaitan Dengan Rogol dan Delinkuen Remaja Berdasarkan <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) dan Teori Kaunseling | 75 |
| 2.5.3 Kajian-kajian lain Yang Berkaitan Dengan Masalah Sosial | 83 |





Remaja, Rogol, Hamil Dalam kalangan Remaja

| | | |
|-----|---------|----|
| 2.6 | Rumusan | 88 |
|-----|---------|----|

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|----------|---|-----|
| 3.1 | Pengenalan | 89 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 90 |
| 3.3 | Paradigma Kajian | 96 |
| 3.4 | Peserta Kajian | 98 |
| 3.5 | Lokasi Kajian | 101 |
| 3.6 | Peranan Pengkaji | 103 |
| 3.6.1 | Bias Pengkaji dan Strategi Menyemak Bias Pengkaji | 106 |
| 3.7 | Instrumen Kajian | 108 |
| 3.8 | Teknik Pengumpulan Data | 109 |
| 3.8.1 | Temu Bual | 109 |
| 3.8.1.1 | Protokol Temu Bual | 112 |
| 3.8.2 | Pemerhatian | 111 |
| 3.8.3 | Analisis Dokumen | 115 |
| 3.9 | Prosedur Pengumpulan Data | 117 |
| 3.10 | Prosedur Analisis Data | 123 |
| 3.10.1 | Mengurus dan Menganalisis Data Menggunakan NVivo 12 | 127 |
| 3.11 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Kes | 127 |
| 3.11.1 | Kesahan Dalaman | 128 |
| 3.11.1.1 | Proses Triangulasi | 128 |
| 3.11.1.2 | Semakan Rakan | 130 |
| 3.11.1.3 | Penglibatan Yang Berpanjangan | 131 |





| | | |
|----------|------------------------------------|-----|
| 3.11.1.4 | Pemeriksaan Rakan | 132 |
| 3.11.2 | Kesahan Luaran | 133 |
| 3.11.2.1 | Deskripsi Yang Kaya dan Terperinci | 133 |
| 3.11.2.2 | Reka Bentuk Pelbagai Latar | 134 |
| 3.11.3 | Kebolehpercayaan Data Kajian Kes | 134 |
| 3.11.3.1 | Triangulasi Data | 135 |
| 3.11.3.2 | Penerangan Terperinci | 135 |
| 3.11.3.3 | Nota Lapangan | 138 |
| 3.12 | Etika Kajian | 139 |
| 3.12.1 | Sebelum Kajian | 139 |
| 3.12.2 | Semasa Kajian | 140 |
| 3.12.3 | Selepas Kajian | 141 |



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|---------|---|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 144 |
| 4.2 | Latar Belakang Peserta Kajian | 145 |
| 4.3 | Latar Belakang Informan Tambahan | 155 |
| 4.4 | Psikologi Kawalan Luaran | 158 |
| 4.4.1 | Ibu Bapa | 158 |
| 4.4.1.1 | Kemahiran Keibubapaan dan Komunikasi Keluarga | 160 |
| 4.4.1.2 | Sikap Ibu Bapa | 163 |
| 4.4.2 | Internet dan Teknologi | 167 |
| 4.4.2.1 | Penggunaan Telefon | 167 |
| 4.4.2.2 | Video Lucah | 169 |





| | |
|--|-----|
| 4.4.3 Latar Belakang Keluarga | 171 |
| 4.4.3.1 Ekonomi Keluarga | 171 |
| 4.4.3.2 Status ibu Bapa / Keluarga Angkat | 173 |
| 4.4.4 Pendidikan | 177 |
| 4.4.4.1 Pendidikan Agama | 178 |
| 4.4.4.2 Pendidikan Seksual | 180 |
| 4.4.4.3 Tahap Pendidikan | 184 |
| 4.4.5 Pengaruh Rakan | 188 |
| 4.4.6 Masyarakat dan Kerajaan | 195 |
| 4.5 Psikologi Kawalan Dalaman (Keperluan Asas) | 197 |
| 4.5.1 Kasih Sayang | 200 |
| 4.5.1.1 Kasih Sayang Kekasih | 200 |
| 4.5.1.2 Kasih Sayang Keluarga | 205 |
| 4.5.1.3 Suka Sama Suka | 208 |
| 4.5.2 Kebebasan | 210 |
| 4.5.2.1 Kebebasan Dari Keluarga | 211 |
| 4.5.2.2 Kongkongan Dari Keluarga | 213 |
| 4.5.2.3 Sikap Diri Sendiri | 218 |
| 4.5.3 Keseronokan | 220 |
| 4.5.3.1 Dapat Penghargaan | 220 |
| 4.5.3.2 Kepuasan Hubungan Seksual | 221 |
| 4.5.3.3 Mendapat Hiburan dan Kegembiraan | 222 |
| 4.5.3.4 Perasaan Ingin Mencuba | 224 |
| 4.5.4 Kuasa | 227 |





| | | |
|---------|--------------------------|-----|
| 4.5.4.1 | Dikuasai Pelaku | 227 |
| 4.5.4.2 | Kuasa Keluarga | 231 |
| 4.5.4.3 | Memberontak | 232 |
| 4.5.5 | Kelangsungan Hidup | 235 |
| 4.6 | Tingkah laku Keseluruhan | 236 |
| 4.6.1 | Tindakan | 239 |
| 4.6.2 | Perasaan | 252 |
| 4.6.3 | Pemikiran | 264 |
| 4.6.4 | Fisiologi | 268 |
| 4.7 | Perancangan Masa Depan | 273 |
| 4.7.1 | Berkahwin | 274 |
| 4.7.2 | Bekerja | 278 |
| 4.7.3 | Menyambung Pelajaran | 281 |
| 4.7.4 | Anak | 286 |
| 4.8 | Rumusan | 289 |

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

| | | |
|---------|-----------------------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 291 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 292 |
| 5.3 | Model Pola Psikologi Mangsa Rogol | 293 |
| 5.4 | Perbincangan Dapatan Kajian | 297 |
| 5.4.1 | Psikologi Kawalan Luaran | 297 |
| 5.4.1.1 | Ibu Bapa | 298 |
| 5.4.1.2 | Internet dan Teknologi | 301 |
| 5.4.1.3 | Latar Belakang Keluarga | 304 |





| | |
|--|-----|
| 5.4.1.4 Pendidikan | 307 |
| 5.4.1.5 Pengaruh Rakan | 311 |
| 5.4.1.6 Masyarakat dan Kerajaan | 313 |
| 5.4.2 Psikologi Kawalan Dalaman | 315 |
| 5.4.2.1 Kasih Sayang | 315 |
| 5.4.2.2 Kebebasan | 319 |
| 5.4.2.3 Keseronokan | 322 |
| 5.4.2.4 Kuasa | 324 |
| 5.4.2.5 Kelangsungan Hidup | 326 |
| 5.4.3 Tingkah Laku Keseluruhan | 327 |
| 5.4.3.1 Tindakan | 328 |
| 5.4.3.2 Perasaan | 331 |
| 5.4.3.3 Pemikiran | 334 |
| 5.4.3.4 Fisiologi | 337 |
| 5.4.4 Perancangan Masa Depan | 338 |
| 5.5 Implikasi, Cadangan dan Sumbangan | 342 |
| 5.5.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Diri Remaja dan Peranan Institusi Keluarga | 342 |
| 5.5.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia | 346 |
| 5.5.3 Implikasi Teori dan Cadangan Terhadap Bidang Ilmu dan Peranan Kaunselor | 351 |
| 5.5.3.1 Teori dan Bidang Ilmu | 351 |
| 5.5.3.2 Teori dan Peranan Kaunselor | 352 |
| 5.6 Saranan Kajian Akan Datang | 357 |
| 5.7 Cabaran Menjalankan Kajian | 359 |





| | | |
|-------|--------------------------|-----|
| 5.7.1 | Sumber Rujukan | 359 |
| 5.7.2 | Peserta Kajian | 360 |
| 5.7.3 | Mengumpul Data | 361 |
| 5.7.4 | Etika Kajian | 361 |
| 5.7.5 | Masa Kajian | 362 |
| 5.7.6 | Kesihatan Peserta Kajian | 363 |
| 5.7.7 | Analisis Data | 363 |
| 5.8 | Perkongsian Pengalaman | 364 |
| 5.9 | Rumusan | 368 |

RUJUKAN **370****LAMPIRAN**

- A Profile Peserta Kajian dan Borang Persetujuan Termaklum
- B Protokol Temu Bual
- C Borang Pemerhatian
- D Surat Persetujuan Jabatan Kebajikan Masyarakat
- E Surat Kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat
- F Perakuan Menjalankan Penyelidikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat





SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|-------------------|---|-------------------|
| 1.1 | Kes Rogol yang Dilaporkan di Malaysia 2006-2015. | 6 |
| 1.2 | Peringkat Umur Mangsa Rogol bagi Kes Tahun 2013-2015. | 8 |
| 1.3 | Hubungan Mangsa Rogol Dengan Suspek Bagi Kes Tahun 2014 & 2015. | 8 |
| 1.4 | Umur Suspek Kes Rogol bagi Tahun 2013-2015. | 9 |
| 3.1 | Pendekatan Reka Bentuk Kajian Kes Mengikut Yin & Merriam. | 91 |
| 3.2 | Pungutan Data Semasa di Lapangan. | 122 |
| 4.1 | Latar Belakang Peserta Kajian. | 146 |
| 4.2 | Latar Belakang Informan Tambahan. | 155 |
| 4.3 | Kekerapan Tema Psikologi Kawalan Luaran. | 159 |
| 4.4 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Analisis Dokumen Psikologi Kawalan Dalaman Aspek Subtema Kasih Sayang Kekasih. | 199 |
| 4.5 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Analisis Dokumen Psikologi Kawalan Dalaman Aspek Subtema Kasih Sayang Keluarga. | 200 |
| 4.6 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Analisis Dokumen Psikologi Kawalan Dalaman Aspek Subtema Kebebasan Dari Keluarga. | 205 |
| 4.7 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Analisis Dokumen Psikologi Kawalan Dalaman Aspek Subtema Kebebasan Dari Keluarga. | 211 |
| 4.8 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Analisis Dokumen Psikologi Kawalan Dalaman Aspek Subtema Kongkongan Keluarga. | 213 |
| 4.9 | Kekerapan Tema Tingkah laku Keseluruhan Remaja Mangsa Rogol. | 237 |
| 4.10 | Petikan Transkripsi Temu Bual, Analisis Dokumen dan Pemerhatian Aspek Subtema Tindakan Peserta Kajian. | 239 |





| | | |
|------|---|-----|
| 4.11 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Pemerhatian Aspek Subtema Perasaan Peserta Kajian. | 253 |
| 4.12 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Pemerhatian Aspek Subtema Pemikiran Peserta Kajian. | 265 |
| 4.13 | Petikan Transkripsi Temu Bual dan Pemerhatian Aspek Subtema Fisiologi Peserta Kajian. | 268 |
| 4.14 | Kekerapan Tema Perancangan Masa Depan Remaja Mangsa Rogol. | 273 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|--|------------|
| 1.1 Kerangka Teoretikal <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (<i>CTRT</i>) (diubahsuai dari Institut William Glasser, CA). | 15 |
| 1.2 Kerangka Konseptual : Pola Psikologi Mangsa Rogol menurut perspektif CTRT. | 17 |
| 3.1 Langkah-langkah Dalam Proses Pengumpulan Data. | 121 |
| 3.2 Komponan Analisis Data Mengikut Model Interaktif Miles & Huberman (2014). | 124 |
| 3.3 Peringkat Kedua Proses Analisis Data Kualitatif. | 126 |
| 5.1 Model Pola Psikologi Mangsa Rogol | 293 |





SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|--|
| APA | <i>American Psychological Association</i> |
| CDC | <i>Centers for Disease Control and Prevention</i> |
| CTRT | <i>Choice Theory Reality Therapy</i> |
| DASS | <i>Depression, Anxiety and Stress Scales</i> |
| FBI | Biro Penyiasatan Persekutuan |
| GSHS | Global Kesihatan Pelajar Sekolah |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KWKPM | Kementerian Wanita Keluarga dan Pembangunan Masyarakat |
| LPPKN | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PTSD | <i>Post Traumatic Stress Disorder</i> |
| SCS-M | <i>Culture Self-Control Scale</i> |
| TSP | Taman Seri Puteri |
| WHO | <i>World Health Organization</i> |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

...

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bahagian ini bertujuan menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Bab ini juga membincangkan kerangka teoretikal, kerangka konseptual, definisi konsep dan definisi operasional kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian sebagai panduan menjalankan kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Sebagaimana yang diketahui, remaja merupakan tunggak dan pewaris negara pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun, sama ada disedari atau tidak, perkembangan gejala sosial kini semakin membimbangkan terutama yang melibatkan kes serangan seksual atau jenayah rogol dalam kalangan remaja. Kita sering dipaparkan di dada-dada akhbar dan laporan berita di televisyen berkaitan dengan kes-kes serangan seksual melibatkan golongan remaja sama ada jenayah rogol yang serius atau tidak (Azizi & Badrulzaman, 2013).



bagi tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia (tidak termasuk sumbang mahram) menunjukkan jumlah kes yang sangat membimbangkan, di mana hampir 2500 ke 3000 kes dilaporkan setiap tahun dan negeri Selangor mencatatkan jumlah kes rogol yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Apa yang lebih membimbangkan lagi apabila terdapat juga kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun (tujuh peratus sejak tahun 2013) yang turut menjadi mangsa rogol (Ezarina, Nur Farrah Alya, Norulhuda & Nor Jana, 2017).

Menurut Saifol Hamree (2013), secara amnya perbuatan rogol atau perkosaan ini boleh merujuk kepada tindakan ganas yang melibatkan aktiviti seks paksaan. Mangsa rogol ini biasanya terdiri dari kaum wanita yang tidak mengira peringkat usia sama ada dari golongan kanak-kanak perempuan, remaja perempuan, wanita dewasa





mahupun warga emas. Rogol merupakan satu cara untuk menghina, merendah, menakut dan menceroboh diri seseorang wanita. Serangan seksual seperti rogol ini tidak boleh dianggap sebagai satu cara untuk menunjukkan keintiman, kasih sayang dan kenikmatan antara mereka yang terbabit.

Jika di lihat dari sudut sejarah, rogol dan perkosaan diandaikan sudah bermula sejak zaman dahulu lagi apabila wanita dianggap sebagai milik lelaki, tanpa diberi hak yang sepadan sama ada secara undang-undang, sosial atau kemanusiaan. Dalam sesetengah masyarakat di timur tengah misalnya, kedudukan wanita berada di bawah sekali dan golongan wanita dianggap tidak berguna (Saifol Hamree, 2013).

Oleh yang demikian, masalah jenayah rogol ini bolehlah dikatakan sebagai masalah sosial remaja kerana kebanyakannya melibatkan mangsa remaja perempuan.

Dalam beberapa kes, mangsa rogol ini dirogol secara paksaan atau tanpa kerelaan mangsa dan terdapat juga mangsa rogol bawah umur yang melakukan hubungan seks atas dasar suka sama suka mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan (Ezarina et al., 2017). Selain itu, ada juga mangsa yang rela melakukan aktiviti seks dengan bertukar-tukar pasangan atau dipanggil sebagai seks rambang (Kamarul Azmi, 2017). Menurut Mohammad Aziz Shah (2004), kejadian jenayah rogol kini tidak lagi terbatas kepada perbuatan merogol dan mencabul kehormatan sahaja, tetapi telah meliputi perbuatan meliwat, melakukan kelucahan melampau, menyeks mangsa dengan menggunakan kekerasan dan membunuh mangsa.



Merujuk kepada undang-undang Malaysia pula, jika mangsa di bawah umur 16 tahun (juga dikenali sebagai rogol statutori) serangan atau hubungan seks tersebut sama ada dengan kerelaan atau tanpa kerelaan adalah dianggap rogol dan menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang (Akta Kanak-kanak, 2001). Nor Shafrin (2012); Ezarina et al., (2017) dan Klein & Cooper (2017) menyatakan, kesalahan di bawah rogol statutori termasuklah sebarang jenis hubungan seks dengan mangsa berumur di bawah 16 tahun sama ada melalui oral, vaginal atau anal dengan kerelaan atau tidak.

Sebenarnya terdapat beberapa faktor psikologi (luaran dan dalaman) yang menyebabkan golongan remaja perempuan ini mudah menjadi mangsa rogol. Menurut kajian Ezarina et al. (2017), menunjukkan bagaimana hubungan cinta terhadap teman lelaki, cara hidup bebas dan juga tiada kawalan ibu bapa boleh menyebabkan remaja terlibat dalam hubungan seks di bawah umur walaupun mereka menyedari akan kesannya. Selain itu, perkembangan psikososial remaja sememangnya mendedahkan remaja kepada hubungan seks sama ada kerana dorongan biologi, eksplorasi ataupun eksperimen dan juga pendedahan dalam persekitaran sosial khususnya bersama rakan sebaya.

Oleh itu, *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) dilihat sebagai satu teori kaunseling yang sesuai dalam menjelaskan tentang tingkah laku manusia (Glasser, 1998). Menurut teori ini, tingkah laku manusia digerakkan oleh keinginan dan motivasi dalaman (psikologi kawalan dalaman) untuk memenuhi keperluan asas (kelangsungan hidup, kasih sayang dan kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan) yang diingini. Tingkah laku manusia menjadi bermasalah apabila manusia memilih cara yang tidak bertanggungjawab dalam mengatasi konflik diri,



apabila apa yang diingini oleh seseorang individu (*quality world*) tidak sama dengan apa yang diperolehinya (*perceived world*) (Esa, 2011). Contohnya, jenayah rogol yang melibatkan remaja perempuan ini berlaku apabila keperluan atas keseronokan dan kasih sayang tidak dipenuhi dengan baik sehingga menyebabkan individu tersebut bermasalah. Dalam fenomena rogol misalnya, remaja perempuan mudah menjadi mangsa rogol kerana ingin mendapatkan keseronokan atau mendambakan kasih sayang bersama teman lelaki, kawan-kawan atau kenalan. Selain itu, keadaan keluarga yang tidak seronok dan bahagia juga mendorong ramai remaja perempuan mencari hiburan di luar sehingga terlibat dalam pelbagai masalah sosial.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh McArthur (1990), bagi membantu mangsa rogol juga mendapati pendekatan *Reality Therapy* adalah baik dan berkesan dalam membantu sklien mengatasi trauma kejadian rogol dan membantu klien mengenalpasti faktor utama (psikologi kawalan dalaman/psikologi kawalan luaran) yang mendorong mereka terlibat dengan kejadian rogol tersebut.

Oleh itu, secara keseluruhannya, dalam kajian ini CTRT bertujuan untuk menjadi teori asas bagi meneroka pola psikologi kawalan luaran dan dalaman mangsa rogol yang berkaitan dengan komponen-komponen CTRT itu sendiri dalam usaha mengenal pasti mengapa berlakunya tingkah laku sedemikian. Justeru, dalam bidang kaunseling kajian lebih lanjut perlu dilakukan terutama untuk melihat aspek psikologi kawalan luaran dan dalaman remaja mangsa rogol. Selain itu, tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi remaja mangsa rogol juga perlu diberi perhatian dalam merungkai tingkah laku mereka ini dalam jenayah rogol menurut perspektif CTRT.



1.3 Penyataan Masalah

Menurut laporan Indeks Jenayah Malaysia 1980-2015, jenayah rogol menunjukkan laporan kes yang tinggi antara 2500 ke 3000 kes dilaporkan bagi semua negeri di Malaysia sejak tahun 1980 lagi berbanding kes-kes jenayah yang lain seperti bunuh, samun berkawan, samun bersenjata dan ragut. Mengikut Jadual 1.1, kes rogol tertinggi dilaporkan berlaku pada tahun 2009 di mana sebanyak 3626 kes telah dilaporkan di seluruh negara. Manakala pada tahun-tahun berikutnya berlaku sedikit penurunan kes rogol yang dilaporkan di seluruh negara. Walaupun berlaku penurunan, namun jumlah keseluruhan kes rogol yang dilaporkan masih lagi berada di tahap yang tinggi. Antaranya Selangor dan Johor mencatat laporan kes rogol yang paling tinggi setiap tahun iaitu purata 450 ke 500 kes dan di ikuti oleh negeri Kedah, Pahang dan

Jadual 1.1

Kes Rogol yang Dilaporkan di Malaysia 2006-2015

| Negeri / Tahun | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|-----------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Perlis | 28 | 27 | 41 | 43 | 40 | 53 | 44 | 47 | 37 | 31 |
| Kedah | 221 | 313 | 314 | 344 | 339 | 331 | 293 | 236 | 251 | 210 |
| Pulau Pinang | 115 | 161 | 177 | 179 | 150 | 145 | 125 | 117 | 100 | 81 |
| Perak | 183 | 226 | 234 | 257 | 294 | 227 | 188 | 160 | 128 | 94 |
| Selangor | 421 | 562 | 630 | 623 | 639 | 526 | 430 | 402 | 326 | 322 |
| Kuala Lumpur | 142 | 221 | 186 | 155 | 152 | 146 | 135 | 144 | 153 | 123 |
| Negeri Sembilan | 103 | 153 | 194 | 210 | 182 | 178 | 173 | 170 | 135 | 121 |
| Melaka | 125 | 139 | 130 | 110 | 106 | 83 | 95 | 110 | 70 | 86 |
| Johor | 343 | 473 | 535 | 589 | 585 | 584 | 510 | 458 | 311 | 273 |
| Pahang | 143 | 194 | 206 | 221 | 223 | 225 | 220 | 195 | 152 | 97 |
| Terengganu | 127 | 130 | 141 | 122 | 137 | 135 | 155 | 128 | 112 | 111 |

(Bersambung)

Jadual 1.1 (*Sambungan*)

| Negeri / Tahun | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|----------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Kelantan | 152 | 267 | 246 | 308 | 307 | 281 | 241 | 228 | 206 | 204 |
| Sabah | 199 | 196 | 236 | 261 | 239 | 235 | 226 | 225 | 223 | 222 |
| Sarawak | 129 | 136 | 139 | 204 | 202 | 152 | 163 | 147 | 145 | 149 |
| Jumlah | 2431 | 3098 | 2409 | 3626 | 3595 | 3301 | 2998 | 2767 | 2349 | 2124 |

Sumber : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan Polis Diraja Malaysia (2007-2009) & Parlimen (2010-2016).

Peningkatan kes jenayah rogol dalam kalangan remaja yang berterusan ini telah menimbulkan kebimbangan dan menjadi cabaran kepada usaha pembangunan modal insan. Menurut laporan kes jenayah Bukit Aman (2010), statistik remaja perempuan yang dirogol antara umur 13 hingga 15 tahun menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu purata melebihi 1000 kes yang dilaporkan setiap tahun. Remaja yang berusia dalam lingkungan ini merupakan bilangan remaja yang paling tinggi menjadi mangsa rogol berbanding dengan kedua-dua peringkat umur, iaitu antara 10 hingga 12 tahun (purata 159 kes dilaporkan setiap tahun) dan antara 16 hingga 18 tahun (purata 600 kes di laporkan setiap tahun).

Statistik yang diperoleh daripada kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkaitan kelakuan sumbang yang dilakukan remaja sebelum nikah bermula 1994 hingga 2012 menunjukkan kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di negara ini sepanjang dua dekad (1994-2012) adalah meningkat daripada 0.9 pada 1994 kepada 8.3 peratus pada 2012.



Menurut Laporan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita & Kanak-Kanak (D11)

Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman (2015), daripada statistik kesalahan kes rogol di seluruh negara pula menunjukkan seramai 16,287 remaja dan wanita menjadi mangsa rogol sejak tahun 2009 hingga 2013 dan 80 peratus mangsa rogol tersebut dirogol oleh orang yang dikenalinya. Bahkan sebelum ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan 93.5 peratus mangsa daripada 12,473 kes itu sejak 2011 hingga Jun 2015 adalah remaja berumur 13 hingga 18 tahun. Jadual 1.2 dan Jadual 1.3 menunjukkan umur mangsa rogol dan hubungan mangsa rogol dengan suspek.

Jadual 1.2

Peringkat Umur Mangsa Rogol Bagi Kes Tahun 2013-2015

| Umur / Tahun | Kes 2013 | Kes 2014 | Kes 2015 | Purata Kes | Peratus % |
|------------------|----------|----------|----------|------------|-----------|
| 0-12 tahun | 176 | 157 | 145 | 159 | 7 |
| 13-15 tahun | 1248 | 1086 | 962 | 1099 | 45 |
| 16- 18 tahun | 687 | 586 | 512 | 595 | 25 |
| 18 tahun ke atas | 656 | 520 | 595 | 560 | 23 |
| Jumlah | 2767 | 2349 | 2124 | 2413 | 100 |

Sumber : Parlimen [No Soalan : 60. Rujukan : 6504 (2014) ; No.Soalan : 445. Rujukan : 8748 (2016)]

Jadual 1.3

Hubungan Mangsa Rogol Dengan Suspek Bagi Kes Tahun 2014 & 2015

| Hubungan dengan suspek | Kes 2014 | Kes 2015 | Purata | Peratus % |
|------------------------|----------|----------|--------|-----------|
| Tidak diketahui | 281 | 413 | 397 | 14 |
| Diketahui | 2486 | 2291 | 2389 | 86 |
| Jumlah | 2867 | 2704 | 2786 | 100 |

Sumber : Parlimen [No.Soalan : 445. Rujukan : 8748 (2016)]





Mengikut perangkaan PDRM tahun 2016 pula, bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2016, sebanyak 13,272 kes rogol atau 59.7 peratus direkodkan bagi tempoh berkenaan. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, dalam tempoh sama Johor menjadi negeri paling tinggi mencatatkan kes rogol iaitu 2,089 kes atau 15.73 peratus. Selain itu, perangkaan PDRM turut merekodkan 2,244 kes penderaan fizikal di mana kebanyakan pelaku kes berkenaan adalah lelaki.

Jadual 1.4

Umur Suspek Kes Rogol Bagi Tahun 2013-2015

| Umur Suspek | Kes 2013 | Kes 2014 | Kes 2015 | Purata | Peratus % |
|----------------|----------|----------|----------|--------|-----------|
| Bawah 18 tahun | 591 | 430 | 469 | 497 | 16 |
| Atas 18 tahun | 2912 | 2437 | 2235 | 2528 | 84 |
| Jumlah | 3503 | 2867 | 2704 | 3025 | 100 |

Sumber : Parlimen [[No. Soalan : 60. Rujukan : 6504 (2014); No. Soalan : 445, Rujukan : 8748 (2016)]]

Menurut laporan akhbar Harian Metro bertarikh 21 Oktober 2015, 95 peratus kes rogol membabitkan golongan gadis bawah umur di Melaka. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Melaka, analisis terhadap laporan yang diterima mendapati terdapat kes rogol yang berlaku di atas kerelaan mangsa sendiri. Pendedahan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula, Dr. Rose Lena Lazemi bahawa pada tahun 2015 mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandung anak luar nikah.





Laporan dalam akhbar My Metro bertarikh 12 Mac 2018 melaporkan, seorang remaja perempuan telah di rogol pada Ogos tahun lalu oleh teman lelakinya yang bekerja sebagai pemandu lori. Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, mangsa dirogol ketika berusia 15 tahun satu bulan di sebuah rumah di Taman Melaka Baru, antara jam 1.30 pagi hingga 1.30 tengah hari pada 3 Ogos 2017. Manakala laporan akhbar bertarikh 12 Mac 2018 pula melaporkan seorang remaja perempuan telah dirogol secara berkumpulan oleh empat orang lelaki di Beaufort, Sabah. Mangsa yang ketika itu berusia 17 tahun telah di rogol oleh empat orang lelaki di sebuah rumah tumpangan antara jam 11 malam 4 September 2017 hingga 6 pagi hari berikutnya.

Terbaru di laporan seorang remaja perempuan berusia 16 tahun dirogol remaja lelaki yang baru dua hari dikenalinya di sebuah hotel di Senawang, Seremban.

Mangsa mendakwa dia dirogol dan kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Paroi. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol. Manakala pada bulan Februari 2018, seorang pelajar tingkatan tiga mendakwa dirogol teman lelaki yang dikenali menerusi aplikasi *WeChat* di sebuah rumah di Taman Samudera, Wangsa Maju. Mangsa menyatakan lelaki berkenaan mengarahkan mangsa berbaring sebelum merogolnya. Remaja berkenaan memaklumkan kejadian tersebut kepada keluarga dan laporan polis telah dibuat. Polis kini giat menjalankan siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

Menurut akhbar My Metro bertarikh 21 Februari 2018 pula, seorang remaja perempuan berusia 14 tahun telah di rogol oleh bapa kandungnya sendiri sebanyak empat kali sejak tiga tahun lalu. Berdasarkan kertas pertuduhan, mangsa di rogol di sebuah rumah di Padawan sejak Mac 2015. Selain di rogol, mangsa juga di paksa





untuk menelan pil pencegahan kehamilan sebelum dirinya dirogol. Perbuatan bapanya akhirnya terbongkar selepas mangsa mendedahkan perbuatan tertuduh kepada ibunya menerusi *WeChat*, sekali gus membawa kepada penangkapan tertuduh beberapa bulan lalu.

Berdasarkan laporan, data dan statistik yang ditunjukkan, kes-kes rogol yang melibatkan golongan remaja perempuan ini sebenarnya semakin menular dalam kalangan masyarakat dan wajarlah dipandang serius. Keadaan yang semakin membimbangkan ini telah meninggalkan impak yang besar kepada mangsa rogol, keluarga dan rakan terdekat mangsa yang terlibat. Berdasarkan analisis yang dibuat masih banyak kelompangan yang perlu diatasi berkaitan kajian mangsa rogol dengan pendekatan kaunseling. Kajian-kajian yang ditemui di Malaysia berkaitan dengan psikologi mangsa rogol kebanyakannya adalah seperti kajian-kajian yang khusus untuk melihat kesan psikologi, harga diri, nilai moral yang dialami mangsa rogol sahaja (Salhah, 2012).

Kajian lepas banyak melihat kesan trauma yang dialami mangsa seperti rasa tertekan, takut, muram, mudah marah (Inzerberg, 2016) rasa terhina, rasa bersalah dan malu serta mengenal pasti secara asas faktor keterlibatan remaja dalam jenayah rogol ini (Ezarina et al., 2017). Manakala kajian di luar negara kebanyakannya bertujuan untuk melihat kesan psikologi trauma *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD) yang dialami oleh mangsa jenayah rogol ini.





Berdasarkan tinjauan literatur hanya tiga kajian yang ditemui melibatkan mangsa rogol dan penderaan seksual kanak-kanak menurut perspektif *Reality Therapy* dan Teori Kawalan iaitu kajian yang dijalankan oleh McArthur (1990), Thatcher (1994) serta Shazrina dan Abdul Rashid (2014). Ketiga-tiga kajian ini hanya menunjukkan keberkesanan pendekatan teknik WDEP dalam sesi kaunseling dan rawatan krisis dalam membantu mengatasi trauma yang di hadapi oleh mangsa rogol selepas kejadian.

Menurut penelitian kajian lepas juga, kajian yang melibatkan mangsa rogol dan pendekatan kaunseling hanyalah berbentuk intervensi sahaja dan tidak menunjukkan bagaimana agaknya analisis psikologi itu dilakukan secara mendalam berdasarkan teori kaunseling. Selain itu, teori kaunseling seperti CTRT ini sebenarnya

telah berjaya untuk membantu individu-individu bermasalah dengan baik. Contohnya, dalam kajian Shazrina dan Abdul Rashid (2014) yang menggunakan teknik WDEP dalam CTRT telah berjaya mengurangkan kebimbangan seorang remaja berusia 17 tahun yang telah menjadi mangsa rogol. Oleh yang demikian, perkara ini mendorong pengkaji untuk melihat sejauh manakah agaknya pola psikologi remaja mangsa rogol ini boleh dibantu berdasarkan CTRT selain untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang aspek psikologi remaja mangsa rogol (aspek psikologi luaran dan psikologi dalaman), tingkah laku keseluruhan (aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi) sehingga mendorong tingkah laku remaja ini terlibat dalam jenayah rogol serta untuk mengetahui perancangan masa depan remaja mangsa rogol ini.





1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memahami pola psikologi mangsa rogol menurut perspektif *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT).

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, objektif kajian ini adalah untuk meneroka;

1. Faktor-faktor psikologi kawalan luaran yang mempengaruhi remaja mangsa rogol.
2. Psikologi kawalan dalaman (keperluan asas) remaja mangsa rogol menurut aspek CTRT.
3. Tingkah laku keseluruhan remaja mangsa rogol daripada aspek CTRT iaitu tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi.
4. Mengetahui perancangan masa depan remaja mangsa rogol.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif tersebut, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut;






1. Bagaimakah faktor psikologi kawalan luaran mempengaruhi remaja mangsa rogol?
2. Bagaimakah psikologi kawalan dalaman (keperluan asas) remaja mangsa rogol menurut aspek CTRT?
3. Bagaimana tingkah laku keseluruhan remaja mangsa rogol berdasarkan aspek CTRT iaitu tindakan, pemikiran, perasaan, fisiologi?
4. Apakah perancangan masa depan remaja mangsa rogol?



1.7 Kerangka Teoretikal



Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) (diubahsuai dari Institut William Glasser, CA)




Secara umumnya, teori memainkan peranan penting untuk menjelaskan, memahami dan meramalkan sesuatu hasil dapatan kajian. Penggunaan teori sebenarnya membantu pengkaji untuk mencari jawapan dan menjawab segala persoalan dalam kajian. Berdasarkan kepada kerangka teoretikal di atas, kajian ini menjadikan CTRT sebagai teori asas dalam meneroka pola psikologi remaja mangsa rogol.

Oleh yang demikian, CTRT dipilih untuk memberi gambaran keseluruhan tentang kajian ini terutama berkaitan dengan perkara-perkara yang dikaji atau bersangkutan dengan fenomena rogol. CTRT telah mengetengahkan beberapa elemen seperti psikologi kawalan luaran, psikologi kawalan dalaman dan tingkah laku keseluruhan. Kerangka ini menjadi asas penting dalam memahami tingkah laku manusia. Aspek dalam CTRT menjadi landasan untuk memahami tingkah laku mangsa rogol dan memberi dimensi baru untuk mengembangkan kefahaman tentang tingkah laku manusia. Sebagai contohnya perkaitan yang signifikan antara psikologi kawalan dalaman (keperluan asas) dengan tingkah laku remaja mangsa rogol.

Oleh itu, fungsi kerangka teoretikal ini untuk membantu pengkaji merumus sesuatu tingkah laku bagi membentuk pengetahuan baharu yang benar bagi remaja mangsa rogol. Di samping itu, kerangka teoretikal ini turut memudahkan pengkaji memberi penjelasan kepada fenomena rogol dan seterusnya meningkatkan kefahaman dalam menjalankan kajian ini



1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2. Pola Psikologi Mangsa Rogol menurut perspektif CTRT



Berdasarkan kerangka konseptual di atas, kajian yang dijalankan ini adalah untuk meneroka perkaitan antara mangsa rogol dari sudut kajian tingkah laku berdasarkan teori kaunseling iaitu CTRT. Menurut Ahmad Jazimin (2008), pemahaman tingkah laku manusia adalah berdasarkan empat komponen paling utama dalam Teori Pilihan iaitu dunia sebenar (*real world*), keinginan individu (*quality world*), keperluan asas (*basic needs*) dan tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*).

Manakala Glasser (1998), menyatakan semua individu pada dasarnya hidup dalam dua dunia iaitu dunia luaran atau dunia sebenar (*real world*) dan juga dunia dalaman mereka sendiri (*perceived world*). Semua peristiwa dan kejadian yang berlaku dalam “*real world*” akan di rekod sebagai pengalaman dan mendatangkan pengertian serta tafsiran yang berbeza pada setiap individu. Di sinilah terbentuknya nilai dan pengetahuan seseorang individu tentang sesuatu. Apa yang berlaku dalam “*perceived world*” adalah di luar kawalan. Pengalaman yang di peroleh individu dalam “*perceived world*” tidak semestinya sama dengan apa yang dikehendaki iaitu “*quality world*”.

‘*Quality world*’ terbentuk atas dasar memenuhi lima keperluan asas (*basic needs*) manusia iaitu keperluan perasaan untuk mempunyai dan dipunya (*love and belonging*), untuk berkuasa (*power*), untuk bergembira dan berseronok (*fun*), untuk bebas dan merdeka (*freedom*) dan keperluan untuk selamat (*survival*) Glasser (1998). Kepincangan salah satu keperluan asas akan menyebabkan kehendak yang dibentuk menjurus kepada memenuhi keperluan tersebut. Contohnya, remaja yang kurang mendapat kasih sayang serta perhatian dari keluarga akan cenderung membentuk tingkah laku yang pada pendapat mereka dapat memenuhi keperluan untuk disayangi.





Adakalanya individu tersebut cuba mendapatkan sesuatu untuk memenuhi kehendak mereka dengan cara bertingkah laku negatif. Individu kemudiannya akan membuat perbandingan serta pertimbangan antara apa yang individu kehendaki (*quality world*) dengan apa yang individu dapat dari dunia sebenar (*perceived world*) pada peringkat ‘*comparing place*’. Sekiranya individu mendapat apa yang dimahukan maka skalanya akan seimbang dan sebaliknya pula skala akan menjadi tidak seimbang apabila apa dikehendaki tidak sama dengan apa yang di peroleh. Di sinilah timbulnya konflik yang mana akhirnya akan menghasilkan tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) individu yang meliputi aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi.

Berdasarkan kerangka konseptual tersebut pengkaji akan memfokuskan kajian ke arah memahami pola psikologi mangsa rogol menurut perspektif CTRT yang

secara khususnya berkait rapat dengan penjelajahan empat komponen teori berkenaan. ptbupsi

Kajian akan dibuat untuk mencerap sejauh mana elemen-elemen seperti psikologi kawalan luaran dan psikologi kawalan dalaman, keinginan individu, keperluan asas, dan tingkah laku keseluruhan mempengaruhi tingkah laku mangsa rogol. Walau bagaimanapun kajian ini tidak akan merangkumi pembinaan pelan rawatan bagi menangani tingkah laku remaja mangsa rogol sebaliknya hanya ingin meneroka perancangan masa depan ramaja mangsa rogol untuk dijadikan bahan perbincangan.





1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi sumbangan yang penting dalam bidang psikologi kaunseling khususnya dalam usaha membina perancangan program pemulihan dan pencegahan terhadap remaja mangsa rogol. Selain itu, kajian ini dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dengan menyumbang kepada pengetahuan dan ilmu yang baharu dalam bidang psikologi kaunseling. Secara tidak langsung kajian ini juga dapat membantu remaja mangsa rogol itu sendiri, ibu bapa, masyarakat dan sebagainya.

1.9.1 Pengamal Kaunseling (Guru, Kaunselor, Pensyarah Kaunseling dan Psikologi)

Pertamanya kajian ini menjadi bahan penting kepada pengamal kaunseling seperti guru di sekolah, kaunselor di organisasi serta pensyarah kaunseling dan psikologi di universiti dalam usaha memahami gejala sosial remaja khususnya terhadap remaja mangsa rogol melalui proses pembelajaran psikologi remaja dan juga bimbingan dan kaunseling di semua peringkat umur dan pendidikan. Kajian ini menerangkan perkaitan antara golongan remaja dengan fenomena kejadian jenayah rogol yang sangat membimbangkan kini. Oleh yang demikian, hasil kajian ini akan memberi ilmu pengetahuan yang baru dalam bidang psikologi kaunseling terutama kefahaman tentang psikologi remaja dan seterusnya hasil kajian ini boleh dijadikan bahan perbincangan serta rujukan untuk memahami dan membantu golongan remaja yang berisiko dan bermasalah.



Seterusnya hasil kajian ini penting kepada semua pendidik seperti pensyarah dan guru-guru kerana dapat membantu mereka untuk mengenal pasti pelajar yang bermasalah daripada pelbagai aspek terutamanya akhlak, tingkah laku, pemikiran, pergaulan, pelajaran dan sebagainya. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan yang timbul tentang faktor yang mendorong remaja menjadi mangsa rogol. Maklumat yang diperoleh daripada remaja mangsa rogol ini boleh dijadikan panduan kepada pendidik untuk memberikan bimbingan dalam merancang program pencegahan untuk pembinaan jati diri kepada remaja yang berisiko menjadi mangsa rogol di sekolah atau di universiti.

Guru bimbingan dan kaunseling ataupun kaunselor yang berdaftar di sekolah-sekolah dan organisasi pastinya mendapat manfaat daripada hasil kajian ini dengan memberi panduan cara memainkan peranan dalam penerapan nilai-nilai murni, pembentukan akhlak dan moral pelajar di sekolah. Peranan kaunselor adalah sangat besar dan kaunselor dilihat sebagai pengantara antara pelajar dengan ibu bapa serta pihak berkuasa. Dalam usaha mendidik ini, sewajarnya kaunselor memainkan peranan berlandaskan prinsip kaunseling dengan menjaga etika dan moral bagi menjamin kesejahteraan bersama. Guru bimbingan dan kaunseling serta kaunselor juga boleh merancang pelbagai aktiviti bimbingan dan pencegahan di sekolah dengan dapatan kajian ini bagi mengelak masalah yang lebih serius lagi berlaku dan program-program pemulihan boleh dirancang dengan baik selepas ini.

Di samping itu, diharapkan kajian ini dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling yang terlibat secara langsung dalam mendidik pelajar di sekolah untuk memahami permasalahan yang timbul seperti jenayah rogol dan seterusnya bersama-



sama memainkan peranan dalam usaha mencegah, menyelesaikan dan membina pendekatan yang sesuai bagi menangani permasalahan yang melibatkan golongan remaja.

1.9.2 Ibu Bapa dan Masyarakat

Hasil daripada kajian ini adalah berguna untuk membantu ibu bapa dan masyarakat terutamanya dalam memahami dan membantu remaja yang terlibat dalam jenayah berat seperti rogol. Kajian ini akan memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat untuk melihat betapa seriusnya jenayah rogol yang berlaku sekarang ini sehingga meninggalkan implikasi negatif kepada remaja mangsa rogol seperti kesan psikologi, kecederaan fizikal, trauma, hamil dan masa depan anak-anak gadis yang



Selain itu, kajian tentang mangsa rogol ini juga dianggap penting kerana akan memberi kefahaman kepada ibu bapa dan masyarakat berkaitan dengan keimbangan, kehendak dan masalah-masalah golongan remaja. Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat akan lebih mengetahui apa yang perlu dilakukan untuk membantu dan melindungi anak-anak remaja ini daripada menjadi sasaran pelaku. Dapatkan kajian ini diharap dapat mencorakkan pembentukan akhlak dan jati diri yang lebih utuh dan bermakna dalam diri mangsa rogol. Pelbagai program berbentuk pendidikan, sokongan moral dan bimbingan yang berterusan dari ibu bapa dan masyarakat pastinya dapat membantu mangsa rogol berkenaan untuk kembali pulih dan memperbaiki diri bagi melayari kehidupan yang lebih baik serta sempurna selepas kejadian.





1.9.3 Pemahaman *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT)

Kajian ini penting untuk memberikan pemahaman yang lebih mantap dan gambaran yang lebih jelas tentang pendekatan dan konsep asas CTRT. Kajian ini telah membincangkan dengan baik penggunaan CTRT sekali gus memberi pendekatan yang berbeza dalam memahami salah satu teori kaunseling. Kajian ini melihat bagaimana remaja boleh menjadi mangsa rogol berdasarkan prinsip-prinsip *Choice Theory*.

Konsep CTRT telah menjadi asas dalam kajian ini dalam usaha memahami psikologi kawalan luaran dan dalaman mangsa rogol. Selain itu, CTRT juga dijadikan landasan untuk meneroka keperluan asas dan tingkah laku keseluruhan mangsa rogol

serta perancangan masa depan mereka. Pendekatan CTRT dalam kajian ini telah menjelaskan dengan baik tentang tingkah laku manusia terutama berkaitan pola psikologi remaja mangsa rogol. Oleh itu, pemahaman yang lebih baik berkaitan CTRT ini akan dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling di sekolah atau kaunselor di organisasi yang menggunakan pendekatan CTRT semasa menjalankan sesi kaunseling bagi membantu dan memahami klien mereka terutama klien yang pernah menjadi mangsa rogol.

Oleh yang demikian, kajian ini amat bermakna kerana teori yang digunakan memberi implikasi yang besar dalam memperbaiki atau mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Dalam kajian ini, pengkaji melihat tiga kepentingan utama penggunaan CTRT iaitu;



- a. Menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan, di mana teori ini dikaji dengan lebih mendalam dan meluas berdasarkan fenomena remaja mangsa rogol mengikut konsep asas dan falsafah teori itu sendiri. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang konsep dan prinsip penting yang terdapat di dalam CTRT seterusnya menyumbang kepada ilmu pengetahuan yang baharu.
- b. Kedua memberi dapatan maklumat yang terkini yang tidak disumbangkan oleh kajian-kajian lepas. Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan CTRT juga berupaya untuk mengenal pasti dan membantu menyelesaikan masalah manusia. Dalam konteks kajian ini, pastinya ada maklumat terbaru dan terkini di temukan hasil daripada melihat sejauh manakah pola psikologi remaja mangsa rogol ini dibantu berdasarkan kepada CTRT.
- c. Ketiga memperkenalkan teori kaunseling melalui perspektif yang pelbagai di mana pendekatan teori kaunseling ini boleh diterapkan dalam memahami pelbagai situasi dan fenomena yang berlaku masa kini. Contohnya seperti fenomena jenayah rogol khususnya terhadap remaja mangsa rogol.

1.9.4 Institusi Kerajaan dan NGO

Sesungguhnya dapatan kajian ini membolehkan pihak-pihak tertentu terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengambil berat seterusnya merangka modul khusus (pengkhususan dalam bimbingan dan kaunseling) bagi menangani fenomena permasalahan gejala sosial yang melibatkan golongan remaja yang bersekolah atau



tidak terutama dalam permasalahan jenayah seksual seperti rogol, pergaulan bebas, sumbang mahram dan jenayah-jenayah berat yang lain. Hasil daripada kajian ini nanti pastinya akan mengetengahkan beberapa cadangan yang sesuai untuk dijadikan asas dan garis panduan dalam merangka modul pencegahan dan pemulihan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada umum terutama golongan remaja.

Di samping itu, pengkaji yakin hasil dapatan kajian, implikasi dan cadangan yang dijelaskan akan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan baharu yang penting kepada institusi pendidikan khususnya dalam merancang modul rawatan bagi program pemulihan dan juga pencegahan remaja mangsa rogol.

Seterusnya, hasil kajian ini menyediakan maklumat berguna kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam merancang aktiviti dan program u/intervensi berbentuk psiko pendidikan pelbagai dimensi dalam proses pemulihan remaja mangsa rogol secara bersepadu. Pendekatan spiritual dan keagamaan di samping kaunseling merupakan intervensi pemulihan yang dianggap berkesan dalam membina harga diri dan keyakinan remaja mangsa rogol.

Usaha kolaboratif antara JKM dengan agensi-agensi seperti hospital dan juga pihak universiti boleh ditingkatkan dalam merancang program pemulihan yang lebih bersepadu seperti kempen kesedaran dan program kerohanian serta sokongan moral. Program kaunseling (selain sesi kaunseling) juga perlu dipelbagaikan pendekatannya memandangkan remaja mangsa rogol yang ditempatkan di pusat pemulihan seperti TSP ini semakin bertambah terutamanya bilangan mangsa rogol yang hamil. Usaha





kolaboratif ini pastinya memberi impak positif kepada remaja mangsa rogol untuk mendapatkan perlindungan dan penjagaan yang lebih baik.

1.9.5 Metodologi Kajian

Hasil kajian ini nanti pastinya memberikan kefahaman yang lebih mantap dan gambaran yang lebih jelas tentang penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini membincangkan dengan baik metodologi kajian kes secara holistik dengan menggabungkan pandangan dari dua orang tokoh iaitu Robert Yin (2003) dan Sharan Merriam (2001) sekali gus kajian ini memberi pendekatan yang berbeza dalam memahami fenomena yang dikaji. Pandangan dari kedua-dua tokoh ini menjadi asas kepada kajian ini. Terdapat beberapa kekuatan dalam kajian kes mengikut pandangan

kedua-dua tokoh ini di mana kajian ini memberi penerangan yang terperinci berkaitan dengan fenomena rogol dan penerangan secara empirikal serta analisis secara holistik di jalankan bagi memahami fenomena ini dan menjawab segala persoalan yang timbul. Oleh itu, kajian ini akan memberi pendekatan baru dalam penyelidikan berbentuk kajian kes.

Selain itu, kajian kes berkaitan dengan mangsa rogol merupakan satu kajian yang agak asing di dalam negara. Oleh yang demikian, pengkaji harus membina protokol temu bual dan mendapatkan kelulusan daripada pakar dalam bidang kajian kes dan CTRT. Protokol temu bual ini perlulah sistematik dan tersusun mengikut objektif yang hendak dicapai dan menjawab segala persoalan dalam kajian ini. Hasil dapatkan kajian ini pastinya memberi implikasi kepada perkembangan ilmu





pengetahuan terutama dalam bentuk kajian yang berkaitan dengan remaja mangsa rogol.

1.9.6 Remaja Mangsa Rogol

Kajian ini penting untuk memberi pemahaman yang lebih jelas berkaitan dengan kesan yang dihadapi dari sudut psikologi remaja mangsa rogol serta membantu mereka ini menghadapi tekanan selepas peristiwa hitam tersebut seperti trauma psikologi (*Post Traumatic Stress Disorder (PTSD)*), trauma fizikal, kemurungan, keinginan membunuh diri, kemarahan/tingkah laku agresif dan perasaan bersalah, malu dan menyalahkan diri sendiri yang dihadapi oleh mangsa. Kajian ini juga membincangkan secara terperinci pola psikologi (kawalan luaran dan dalaman) yang

mendorong remaja mangsa rogol dan seterusnya memberikan gambaran tentang kesan psikologi yang dialami oleh mereka berdasarkan sudut pandangan remaja mangsa rogol itu sendiri. Kajian ini diharapkan akan memberikan kesedaran kepada mereka tentang keburukan tingkah laku seksual sebelum berkahwin dan berusaha membaik pulih diri agar dapat meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik pada masa akan datang.

Kesimpulannya, semua kepentingan yang dibincangkan bertujuan untuk mengembangkan lagi ilmu pengetahuan serta membina kesedaran tentang menjaga harga diri bukan sahaja kepada golongan remaja malah kepada semua ahli masyarakat demi membina negara bangsa yang bermoral dan bermaruah.





1.10 Definisi Konseptual dan Definisi Operasional

Bahagian ini penting untuk memberikan definisi kepada setiap pemboleh ubah agar maksud asal tidak bertentangan dengan fokus asal kajian ini. Perbezaan dan persamaan definisi perlu dilihat daripada pelbagai sudut pandangan pengkaji supaya definisi yang sesuai boleh diguna pakai. Oleh itu, pengkaji menerangkan justifikasi setiap pemboleh ubah sebagai panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih jelas.

1.10.1 Pola Psikologi Mangsa Rogol

Dalam bahagian ini menjelaskan definisi yang berkaitan dengan istilah psikologi dan ro gol. Definisi istilah mengikut undang-undang Malaysia turut dibincangkan disamping bahagian ini juga menerangkan berkaitan dengan definisi remaja mangsa ro gol untuk memberi kefahaman lebih jelas berkaitan dengan kajian ini.

1.10.1.1 Psikologi

Menurut *American Psychological Association* (APA), *Dictionary of Psychology* (2015), mentakrifkan psikologi sebagai satu kajian saintifik terhadap tingkah laku individu dan proses mental mereka. Manakala menurut definisi Kamus Dewan (2005), mendefinisikan psikologi sebagai satu kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan.



Dalam kajian ini definisi operasional pola psikologi merujuk kepada konsep CTRT iaitu psikologi kawalan luaran (*external control psychology*) dan psikologi kawalan dalaman (*internal control psychology*) yang menjurus meneroka keperluan asas (*basic need*) manusia di samping menganalisis tingkah laku keseluruhan (*total behaviour*) yang melibatkan aspek pemikiran, perasaan, tindakan dan fisiologi mangsa rogol.

1.10.1.2 Istilah Rogol

Dalam Laporan *World Report on Violence and Health, World Health Organization* (WHO) (2007), telah mendefinisikan rogol sebagai satu serangan seksual.

Manakala *Centers for Disease Control and Prevention* (CDC) (2007),

05-4506832 mendefinisikan rogol merupakan satu bentuk keganasan seksual. Keganasan seksual ini merangkumi aktiviti seksual seperti serangan seksual menggunakan dadah, serangan terhadap mangsa yang mabuk, serangan paksa secara lisan, serangan secara paksaan fizikal yang tidak diingini termasuk mengancam atau menggunakan senjata.

Sesetengah negara atau bidang kuasa membezakan antara rogol dan serangan seksual dengan mentakrifkan rogol sebagai penembusan zakar dalam faraj wanita atau penembusan semata-mata yang melibatkan zakar.

Manakala jenis lain aktiviti seksual dipanggil serangan seksual. Tribunal Jenayah Antarabangsa (1998), mentakrifkan rogol sebagai pencerobohan fizikal terhadap sifat seksual yang dilakukan pada seseorang di bawah keadaan yang memaksa. Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) (2012), mendefinisikan rogol sebagai penembusan terhadap faraj atau dubur dengan mana-mana bahagian badan atau objek,



ataupun penembusan secara oral oleh organ kelamin orang lain tanpa persetujuan mangsa. Dalam lain-lain kes, istilah rogol telah dihapuskan daripada penggunaan undang-undang dan menggantikan kepada istilah seperti serangan seksual atau tingkah laku seksual jenayah (Daher, 2002).

Menurut Akta kanak-kanak pindaan 2016, rogol statutori ialah sejenis jenayah persetubuhan yang melibatkan seorang lelaki melakukan hubungan seks dengan gadis yang berumur bawah 16 tahun, dengan atau tanpa kerelaannya. Manakala mengikut Seksyen 375 Kanun Keseksaan di Malaysia terdapat beberapa keadaan seorang lelaki dikatakan telah melakukan jenayah rogol sekiranya melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan. Nor Shafrin (2012); Ezarina et al., (2017); Klein dan Cooper (2017), pula menyatakan kesalahan di bawah rogol statutori termasuklah sebarang jenis hubungan seks dengan mangsa berumur di bawah 16 tahun sama ada melalui oral, vaginal atau anal dengan kerelaan atau tidak.

Dalam kajian ini pula, istilah rogol merujuk kepada serangan seksual yang mana pelaku memaksa mangsa yang enggan bersetuju atau bersetuju untuk melakukan hubungan seksual. Istilah rogol ini juga merujuk kepada serangan seksual seperti dipukul untuk seks serta serangan seksual dengan penembusan zakar dalam faraj wanita atau penebusan semata-mata yang melibatkan zakar. Selain itu, istilah rogol dalam kajian ini juga merujuk kepada hubungan seksual dengan seorang yang rela tetapi dari segi undang-undang belum cukup umur atau dikenali sebagai rogol statutori.





1.10.1.3 Mangsa Rogol

Mengikut Undang-undang Malaysia (2002), Akta 574 (1997), 375 (f) (Akta 574:137-138) menyebut: 375. Seorang lelaki dikatakan melakukan ‘rogol’ yang, kecuali dalam kes itu selepas ini terkecuali, mempunyai hubungan seks dengan seorang wanita yang di bawah mana-mana keterangan yang berikut:

- a) bertentangan dengan kemahuan wanita itu;
- b) tanpa kerelaannya perempuan itu;
- c) dengan kerelaannya, manakala kerelaannya didapati dengan mendatang kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan (ancaman) mati atau kecederaan atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut;
- d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu tahu bahawa dia bukan suaminya, dan kerelaannya diberi kerana dia percaya lelaki itu seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan;
- e) dengan kerelaan itu, pada masa yang memberikan kerelaan itu, dia tidak dapat untuk memahami jenis dan akibat dari apa yang dia memberikan kerelaan;
- f) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak jika perempuan adalah di bawah umur 18 tahun.



Dalam kajian ini mangsa rogol merujuk kepada Akta Kanak-kanak 2001, Pindaan 2016 (Akta 611). Dengan ini remaja yang melakukan aktiviti seksual walaupun secara rela adalah masih tertakluk kepada Akta 611, perkara 41 iaitu “Kanak-Kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera”. Perkara 41 (2a) menyatakan “kanak-kanak itu sedang diancam atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud melakukan persetubuhan dengan seseorang yang lain atau bagi apa-apa maksud lucah: Perkara 41 (2d) jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah” (2011:171).

Oleh itu, Akta 611 memberikan perlindungan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dengan sendirinya mereka menjadi mangsa rogol kerana belum boleh disabitkan kesalahan dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sebagai melakukan jenayah berat. Sebaliknya, mereka tertakluk kepada istilah mangsa rogol kerana mana-mana lelaki yang melakukan hubungan seksual dengan remaja bawah umur 18 tahun dengan sendirinya tertakluk kepada Undang-Undang Jenayah Rogol Akta A1303 sebagaimana yang dibincangkan di atas.

Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada dua kategori remaja mangsa rogol berdasarkan dua istilah undang-undang iaitu;

- a) Akta Kanak-kanak 2001, Pindaan 2016 (Akta 611) dan Peraturan-Peraturan (2011), dan
- b) Akta 574 (1997), 375 (f) menyatakan “*with or without her consent, when she is under sixteen years of age*” (Akta 574:138). Perkara ini membawa maksud sama ada dengan rela atau tidak rela jika kanak-kanak itu di bawah



umur 16 tahun, maka mereka adalah tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia, Akta 574 perkara 375(f) ,Akta Jenayah Rogol dan juga Akta A1303, Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2007 bersabit dengan kes rogol.

Rumusan kepada definisi operasional mangsa rogol iaitu dibahagikan kepada dua kategori; (1) Melapor Dirogol; dan (2) Akta Rogol iaitu mengikut Undang-Undang Malaysia (Akta Perlindungan Kanak-Kanak). Oleh itu, mangsa rogol ialah mereka yang sama ada mendapatkan perlindungan, dirujuk kepada pihak JKM, mendapat pengesahan hospital atau laporan polis. Remaja mangsa rogol merangkumi mereka yang dirogol orang yang dikenali, orang yang baru dikenali, dirogol berkumpulan dan juga mangsa sumbang mahram. Kategori Akta Rogol juga merupakan remaja hamil kerana melakukan zina di bawah umur. Mereka mendapat perlindungan sementara melahirkan anak dengan persetujuan keluarga.

Sementara mangsa yang di bawah perintah mahkamah menjadi pelatih di TSP selama tiga tahun pula diberi perlindungan dari tarikh mangsa dijatuhkan hukuman menjalani pemulihan di pusat pemulihan akhlak kerana tingkah laku tidak terkawal diletakkan selama tidak melebihi tiga tahun, iaitu Akta 611, Perkara 46 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611 dan Peraturan-Peraturan 2011).

Tegasnya, definisi operasional kajian ini melibatkan seseorang remaja mangsa rogol di bawah umur yang merujuk kepada dua kategori mangsa rogol berdasarkan dua istilah undang-undang seperti yang dinyatakan dan sebarang bentuk tindakan melakukan hubungan seksual (rogol) yang rela atau tidak kepada mangsa rogol berdasarkan ciri-ciri mangsa rogol yang berada di pusat pelindungan remaja tersebut.



1.10.2 *Choice Theory Reality Therapy (CTRT)*

CTRT merupakan teori yang menerangkan tentang tingkah laku manusia dan menawarkan cara untuk memperbaiki hubungan dan kesejahteraan secara keseluruhan (Glasser, 1998). Pendekatan ini menekankan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. Menurut Glasser (1998), konsep CTRT berkaitan, tetapi berbeza. *Choice Theory* dibangunkan daripada *Reality Therapy* dan merupakan satu set idea tentang tingkah laku manusia yang berdasarkan kepada bagaimana individu membina keperluan asas mereka (Hale & Sindlinger, 2017).

Tegasnya, menurut Esa (2011), tingkah laku manusia digerakkan oleh

keinginan dan motivasi dalaman untuk memenuhi keperluan asas yang diingini.
Tingkah laku manusia menjadi bermasalah apabila memilih cara yang tidak bertanggungjawab dalam mengatasi konflik diri, apabila apa yang diingini oleh seseorang individu (*quality world*) tidak sama dengan apa yang diperolehinya (*perceived world*). Pendekatan teori ini melihat tingkah laku negatif manusia berpunca daripada personaliti gagal, iaitu apabila individu gagal memenuhi keperluan asasnya dengan cara yang bertanggungjawab, lantas kecewa dengan hidup dan sentiasa menafikan kegagalan yang dihadapi untuk mengurangkan kesakitan yang dirasai.

Dalam konteks kajian ini, CTRT bertujuan untuk melihat pola psikologi remaja mangsa rogol yang berkaitan dengan komponen-komponen psikologi kawalan luaran dan psikologi kawalan dalaman ‘keperluan asas’, tingkah laku keseluruhan



(aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi) dalam usaha mengenal pasti mengapa berlakunya tingkah laku sedemikian.

1.10.3 Pusat Perlindungan Remaja

Menurut JKM pusat perlindungan remaja merupakan satu pusat pemulihan akhlak bagi menempatkan remaja perempuan berumur bawah 18 tahun yang dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Akta tersebut memperuntukkan undang-undang yang terlibat dengan salah laku seperti lari dari rumah, tingkah laku tidak terkawal, mangsa rogol dan hamil sebelum berkahwin.

Remaja yang bermasalah dimasukkan ke pusat perlindungan ini melalui dua

05-4506832 cara iaitu; (1) dirujuk oleh keluarga kepada JKM kerana tingkah laku tidak terkawal, dan (2) perintah mahkamah juvana. Pusat perlindungan ini memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak dengan memupuk sikap dan nilai yang sesuai dengan norma masyarakat serta memberikan kemahiran yang bersesuaian.

Dalam kajian ini, pusat perlindungan remaja merujuk kepada Taman Seri Puteri, Cheras, Selangor. Taman Seri Puteri (TSP) ini menempatkan pelatih remaja berumur 18 tahun kebawah yang memenuhi kriteria diperlukan untuk mencapai objektif dan menjawab soalan kajian. Pelatih yang tinggal di TSP ini memenuhi kriteria yang diperlukan di mana pelatih merupakan remaja mangsa rogol yang mendapatkan perlindungan serta dirujuk kepada pihak JKM setelah mendapat pengesahan hospital atau laporan polis. Selain itu, pelatih ini juga merupakan remaja





hamil kerana melakukan zina di bawah umur serta remaja mangsa rogol yang di bawah perintah mahkamah. Remaja mangsa rogol ini merangkumi mereka yang dirogol orang yang dikenali, orang yang baru dikenali, dirogol secara berkumpulan dan juga mangsa rogol sumbang mahram.

1.11 Batasan Kajian

1.11.1 Sampel kajian

Di Malaysia terdapat empat buah pusat perlindungan dan pemulihan akhlak bagi kanak-kanak dan remaja bawah umur kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),

Kementerian Wanita Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KWKPM). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini sampel hanya terhad melibatkan sembilan orang pelatih dan lima orang informan sahaja di salah sebuah pusat perlindungan remaja tersebut iaitu Taman Seri Puteri (TSP) Cheras, Selangor. TSP ini merupakan sebuah pusat yang hanya menempatkan gadis-gadis berumur di bawah 18 tahun yang cenderung kepada aktiviti pegaulan bebas dan pelacuran. Hanya TSP Cheras sahaja yang telah memberikan kebenaran secara rasmi (surat daripada JKM) untuk menjalankan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini pastinya akan lebih baik dan dapat memberi gambaran secara kasar tentang fenomena rogol di Malaysia jika pelatih setiap pusat perlindungan remaja terlibat sebagai sampel kajian.



1.11.2 Tempoh Pengumpulan Data

Tempoh pengumpulan data dilapangan hanya boleh dijalankan selama tempoh masa yang dibenarkan sahaja iaitu selama enam bulan. Sesungguhnya kajian ini akan lebih bermakna jika lebih ramai pelatih dari TSP yang lain terlibat untuk menjadi peserta kajian dan tempoh masa pengumpulan data yang diberikan lebih panjang. Dapatkan kajian ini juga terhad kerana hanya menggambarkan dapatan semasa yang berlaku ketika itu terhadap peserta kajian yang berkenaan sahaja.

1.11.3 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini hanya memberi fokus kepada data utama kajian kualitatif daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sahaja. Dapatkan kajian ini akan lebih bermakna jika dapat dipelbagaikan teknik dan alat kajian iaitu inventori dan soal selidik lain seperti persepsi terhadap sokongan sosial khususnya keluarga dan juga persepsi rakan sebaya dalam konteks melihat perkembangan harga diri remaja mangsa robol semasa menjalani pemulihan.

1.11.4 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian kes yang melibatkan masyarakat tertutup seperti di tempat kajian ini juga tertakluk kepada etika yang tinggi dan tiga teknik pengumpulan data digunakan iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menjelaskan matlamat kajian kepada peserta dan informan kajian kerana mereka mempunyai pengaruh yang besar kepada prosedur (Marohaini, 2001). Prosedur ini



juga penting bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan persetujuan bagaimana sepatutnya kajian dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Contohnya, penyelidikan kajian kes ini akan mengambil masa yang panjang dan boleh mengganggu rutin harian dan pengurusan peribadi peserta kajian serta orang lain di sekelilingnya. Maka, adalah wajar prosedur pengumpulan data ini diketahui oleh peserta dan informan kajian (Salhah, 2012).

1.11.5 Skop Kajian

Dalam bidang kaunseling terdapat pelbagai lagi teori yang boleh mendasari bagi satu-satu kajian. Namun, dalam kajian ini CTRT merupakan fokus utama kajian. Selain itu, skop kajian adalah terhad menjurus kepada untuk mengenal pasti faktor-faktor psikologi kawalansu luaran dan dalaman yang mendorong remaja mangsa rogol. Selanjutnya meneroka keperluan asas (kasih sayang, kuasa, keseronokan, kebebasan, kelangsungan hidup) remaja mangsa rogol dan menganalisis tingkah laku keseluruhan (fikiran, perlakuan, perasaan, fisilogi) serta perancangan masa depan bagi remaja mangsa rogol ini.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini membincangkan berkaitan dengan latar belakang kajian dan penyataan masalah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola psikologi mangsa rogol berdasarkan perspektif CTRT. Pada dasarnya pengkaji telah memilih untuk mengkaji remaja mangsa rogol selaras dengan keseriusan masalah ini di Malaysia. Pengkaji juga memilih CTRT sebagai landasan teori untuk kajian ini





memandangkan penggunaan dan keberkesanan teori ini dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling serta kaunselor bagi menangani masalah jenayah dan salah laku remaja di sekolah.

Seterusnya, bab ini membincangkan definisi konsep dan definisi operasional kajian dengan menjelaskan pemboleh ubah yang diguna pakai dalam kajian ini. Akhirnya, bab ini membincangkan kepentingan kajian dan mengutarakan pihak-pihak yang bakal memperoleh manfaat daripada kajian ini serta menjelaskan tentang batasan kajian yang turut mengehadkan skop pentafsiran atau interpretasi dapatan kajian agar tidak melangkau data-data yang diperoleh.

